



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

JAWATAN KOSONG

- A. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak Negeri Melaka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan bagi jawatan berikut:-

BIL	JAWATAN	JADUAL GAJİ	KENAIKAN GAJI TAHUNAN	BIL XEKOSONGAN
1.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) GRED N19	RM1,352.00 — RM4,003.00 ITKA RM115.00 ITP - RM300.00 BANTUAN - RM300.00 SARA HIDUP	RM100.00	2 (TETAP) 2 (KONTRAK)

B. SYARAT LANTIKAN JAWATAN

JAWATAN 1 - **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) GRED N19**

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT TAMBAHAN

Syarat lantikan ke jawatan ini di semua peringkat urusan pengambilan adalah tertakluk kepada pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM).

- | | |
|---------------------------------|--------------------------|
| 4. Taraf Jawatan | Tetap / Kontrak |
| 5. Kumpulan Perkhidmatan | Pelaksana |
| 6. Klasifikasi Perkhidmatan | Pentadbiran dan Sokongan |

C. CARA-CARA MEMOHON :

1. Semua permohonan jawatan DIMESTIKAN menggunakan Sistem Permohonan Perjawatan secara atas talian bagi mengisi Borang Permohonan Perjawatan dengan melayari portal.mpag.gov.my/emohon/ dan klik di pautan yang disediakan dengan mendaftar masuk sebagai pengguna dan terus *login* ke borang permohonan.
2. Pemohon mestilah memenuhi syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon sebelum memohon jawatan. Skim perkhidmatan boleh dirujuk dengan klik pada pautan iklan jawatan kosong di laman web MPAG.
3. Pemohon dari kalangan pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan/ Badan - Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dan mengisi borang Pengesahan Ketua Jabatan di LAMPIRAN A.
4. Permohonan yang TIDAK dibuat menerusi Sistem Permohonan Jawatan secara atas talian akan DITOLAK.
5. Pemohon dinasihatkan untuk membaca dengan teliti Arahan Pengisian sebelum memohon jawatan. Pemohon DIMESTIKAN memuat naik **gambar** terkini berukuran pasport, kad pengenalan dan dokumen sokongan akademik yang berkaitan dengan kelayakan jawatan dipohon yang telah disahkan dengan ukuran tidak melebihi 2MB. Kegagalan mengisi maklumat dengan lengkap serta tidak memuat naik dokumen sokongan boleh menyebabkan permohonan calon DITOLAK.
6. Ijazah/ Diploma/ Sijil yang diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia sebelum Januari 2017 boleh disemak menerusi Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (esisraf) melalui capaian <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semakan.php>, manakala Program yang diberi pengiktirafan Kerajaan mulai Januari 2017, boleh disemak pada Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysia Qualifications Register, MQR) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/mor/> dan melampirkannya bersama borang permohonan.

D. TARIKH IKLAN DIBUKA 18 OKTOBER 2024 (JUMAAT)

TARIKH IKLAN DITUTUP 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

E. CATATAN AM :

1. Permohonan hendaklah dihantar sebelum/ pada tarikh tutup. Selepas dari tarikh tersebut permohonan anda tidak akan diterima.
2. Hanya calon-calon yang memenuhi syarat sahaja akan dipanggil untuk tapisan dan temuduga.
3. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
4. Pihak Majlis Perbandaran Alor Gajah berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah muktamad.
5. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kemahiran dan berpengalaman **dengan jawatan yang dipohon.**
6. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

Pengesahan Iklan:



TPr SAIFUDDIN BIN ABDUL KARIM
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Alor Gajah